

PERONDA MALAM

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 2 halaman 137

SP : 1.3.2 Mendengar dan menyusun panduan, tunjuk cara dan arahan dengan memberikan respons yang sesuai dan bermakna.



ARAHAN : Susun panduan (dengan menulis nombor 1 hingga 5) untuk menahan orang yang memasuki kawasan perumahan ketika menjalankan rondaan berdasarkan audio yang diberikan.

	Kita boleh meminta untuk melihat kad pengenalan. Pemeriksaan ke atas badan seseorang tidak dibenarkan.
	Jika pemandu enggan bekerjasama atau didapati melakukan kesalahan, kita sebagai peronda hendaklah melaporkan kepada ketua peronda, pihak polis dan pengerusi jawatankuasa taman perumahan.
	Sekiranya terdapat barang-barang terlarang semasa pemeriksaan, barang tersebut hendaklah direkodkan dan diserahkan kepada polis.
	Kita hendaklah memperkenalkan diri semasa menghentikan dan memeriksa mana-mana orang yang memasuki kawasan rondaan.
	Pemandu kenderaan hendaklah bersama-sama dengan kita ketika melakukan sebarang pemeriksaan.

Dihasilkan oleh: Cikgu INTAN NMR